



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***UNSUR ESTETIKA DALAM SURAT PERANG
ERA AL-KHULAFAH AL-RASHIDIN***

KHAIRUL ANWAR BIN HAJI MOHAMAD ALI

FBMK 2015 68



**UNSUR ESTETIKA DALAM SURAT PERANG
ERA AL-KHULAFU' AL-RASHIDIN**

Oleh

KHAIRUL ANWAR BIN HAJI MOHAMAD ALI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi
keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera**

Disember 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera

**UNSUR ESTETIKA DALAM SURAT PERANG
ERA AL-KHULAFAH AL-RASHIDIN**

Oleh

KHAIRUL ANWAR BIN HAJI MOHAMAD ALI

Disember 2015

Pengerusi : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai unsur-unsur estetika yang terdapat dalam karya persuratan era Awal Islam. Penelitian awal mendapati karya persuratan era awal Islam kurang mendapat perhatian dalam kajian sastera. Kebanyakan kajian sastera pada zaman tersebut lebih tertumpu ke atas karya syair terutama syair yang bertemakan jihad pada zaman Khalifah Abu Bakar Al-Siddiq dan Khalifah 'Umar Al-Khattab. Kebanyakan pengkaji sastera Arab berpendapat bahawa karya persuratan pada zaman tersebut bukanlah dihasilkan untuk tujuan seni sastera, tetapi sebaliknya kerana faktor dakwah, politik dan ekonomi. Bahkan, sebahagian pengkaji berpandangan bahawa unsur-unsur seni *balaghah* yang terdapat dalam karya persuratan tersebut adalah ditokok tambah oleh periwayat sejarah. Justeru, kajian ini tampil mengisi kekurangan tersebut dan berhasrat menonjolkan aspek estetika yang terdapat dalam karya surat perang era Al-Khulafah Al-Rashidin. Sebanyak 35 teks surat perang yang ditulis oleh khalifah-khalifah Al-Rashidin dan panglima-panglima tentera Islam dikumpulkan sebagai data kajian. Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Manakala, Pendekatan Estetika oleh Al-Miqdad (1993) dipilih sebagai kerangka asas kajian untuk tujuan analisis teks. Teks surat perang era Al-Khulafah Al-Rashidin akan dianalisis berdasarkan tiga elemen estetika yang dikemukakan oleh Al-Miqdad iaitu: *Al-Ma'ani* (tema penulisan surat), *Al-Manhaj* (format penulisan surat) dan *Al-Uslub* (gaya bahasa *al-Balaghah*). Hasil kajian menunjukkan bahawa karya surat perang mempunyai nilai estetika dan keindahan sastera yang tersendiri. Keindahan nilai sastera ini dibuktikan dengan format penulisan surat yang hampir kepada format penulisan zaman Rasulullah SAW dan gaya bahasa retorik yang mudah, ringkas dan jauh daripada unsur *Al-Takalluf*. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa unsur seni *balaghah* yang terdapat dalam surat perang era Al-Khulafah Al-Rashidin bukanlah ditokok tambah oleh para periwayat sejarah. Dapatan kajian ini diharap dapat memberi sumbangan dalam memahami dan menghayati sejarah kegemilangan zaman Awal Islam melalui pendekatan analisis sastera.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Art

**AESTHETICS ON MILITARY LETTERS
DURING THE PERIOD OF AL-KHULAF A AL-RASHIDIN**

By

KHAIRUL ANWAR BIN HAJI MOHAMAD ALI

December 2015

Chair : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study aims to analyze and evaluate aesthetics elements or the significance of arts and literature during the Islamic civilization. Preliminary observation, found that the literary work in Islam was given less focused, in the study or arts. In the early period of Islamic civilization, most of the arts and literature works are focused on the poetry works. The poetry, especially with the theme of Jihad, was found in *Al-Futuhah's* era, namely as Khalifah Abu Bakar al-Siddiq, and Khalifah Umar al-Khattab time. Most of Arab's researcher agreed that, the literary work is given less attention by the researcher because the literary work was produced mainly to spread religion, politics and economic purposes. In fact, some of the researcher viewed that the element of '*balaghah*' in the literary work has been fabricated by adding another words from the previous narrators. Even some of the quotation of the letters is different from the pronunciation among the narrators. Hence this studies specifically to fill the gap the aesthetic aspects in literary work in the time of Al-Khulafa Al-Rashidin. In order to meet the gap, 35 brown letters written by the Khalifah al-Rasyidin and other Islamic prominent leaders, were collected as a research data. Methodology of the research is by library research and content analysis. Aesthetic Approach in literary works by Mahmud Al-Miqdad (1993) was used as a framework in analyzing the texts. Brown letter's text, during the time of Al-Khulafa' Al-Rasyidin will be analyze based on three aesthetics elements proposed by the Mahmud Al-Miqdad which is; *Al-Ma'ani* (referred to the theme aspects or the writing purposes), *Al-Manhaj* (writing letter format) and *Al-Uslub* (style of language that referred as *al-balaghah's* aspect or rhetoric). The expected outcome of this research showed that, literary work in the brown letters have their own aesthetic values and it is very closed to the writing style during the Prophet (pbuh) period. It also added with the rhetoric style of language, simple and away from the element of *Al-Takalluf wa Al-Tasannu*. This outcome is based from the time of Al-Khulafa' Al-Rashidin and it is not being fabricated by previous narrators. Hopefully, this research will contribute in understanding historical period of the Islamic Civilization with the literature analysis approach.

PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين.
أما بعد،

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Sarjana Sastera Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, saya mengambil kesempatan yang ada untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok dan Dr. Muhd. Zulkifli Ismail yang telah banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar dan menyelia kerja-kerja penyelidikan sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih juga saya rakamkan kepada semua kakitangan dan pensyarah Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak membantu sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Jutaan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberikan saya peluang untuk menyambung pelajaran dan membiayai penuh pengajian saya selama dua tahun di Universiti Putra Malaysia.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai dan staf Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah Kedah yang telah memberikan pelbagai bantuan dan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Mu'tah, Universiti al-AbBayt, Universiti Yarmuk, dan University of Jordan yang telah memberikan keizinan kepada saya untuk mengakses bahan-bahan yang berkaitan sepanjang penyelidikan saya di Jordan dari 8 hingga 18 Disember 2013.

Juga tidak dilupakan penghargaan ini kepada kedua ibu bapa yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Juga buat isteri, Khairulbariah binti Khalid dan anak-anak tersayang kerana amat memahami, memberi dorongan dan sokongan sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis.

Akhir kata, harapan saya agar usaha dan kerjasama semua pihak dapat diterima dan diberi ganjaran sebagai sebahagian daripada amal kebajikan oleh Allah S.W.T. Sesungguhnya segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada saya kerana sesuatu yang lengkap dan sempurna itu milik-Nya sahaja. Terima kasih.

KHAIRUL ANWAR BIN HAJI MOHAMAD ALI

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 4 Disember 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Khairul Anwar bin Haji Mohamad Ali bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Unsur Estetika dalam Surat Perang Era Al-Khulafa' Al-Rashidin" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Mohd. Azidan bin Abdul Jabar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Radiah binti Mezah, PhD

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zamri bin Arifin, PhD

Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 16 Februari 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Muhd. Zulkifli Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Khairul Anwar Bin Haji Mohamad Ali
GS35821

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Muhd. Zulkifli Ismail, PhD

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi-vii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
PEDOMAN TRANSLITERASI EJAAN ARAB KE RUMI	xii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Pernyataan Masalah	3
	1.4 Soalan Kajian	4
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	5
	1.7 Batasan Kajian	6
	1.8 Definisi Operasional	7
	1.8.1 Estetika	7
	1.8.2 Surat Perang	8
	1.8.3 Al-Khulafa' Al-Rashidin	9
	1.9 Kesimpulan	10
2	SOROTAN LITERATUR	11
	2.1 Pengenalan	11
	2.2 <i>Sastera Fann Al-Rasail</i>	11
	2.2.1 Sejarah Kemunculan <i>Fann Al-Rasail</i>	11
	2.2.2 Definisi Surat	12
	2.2.3 Jenis dan Pembahagian Karya Persuratan Arab	12
	2.3 Surat Perang	13
	2.3.1 Definisi Surat Perang	13
	2.3.2 Tema Surat Perang	14
	2.3.3 Pembahagian Tema Surat Perang	17
	2.4 Format Penulisan Surat Perang	17
	2.4.1 Format Penulisan Surat Rasmi Pada Zaman Awal Islam	18
	2.4.2 Format Penulisan Surat Perang	19
	2.5 Gaya Bahasa Retorik Arab Dalam Penulisan Surat-surat Politik	20
	2.6 Analisis Kritis	23
	2.7 Kesimpulan	24

3	METODOLOGI KAJIAN	25
3.1	Pengenalan	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	25
3.3	Kerangka Teori Kajian	25
3.4	Kerangka Konseptual	30
3.5	Kaedah Kajian	31
	3.5.1 Kajian Kepustakaan	31
	3.5.2 Analisis Kandungan	35
3.6	Kesimpulan	36
4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Jenis surat serta tema penulisan surat perang era Al-Khulafa' Al-Rashidin	37
	4.2.1 Jenis Surat Perang	37
	4.2.2 Tema-tema Penulisan Surat Perang	38
4.3	Struktur penulisan surat perang era Al-Khulafa' Al-Rashidin	52
	4.3.1 <i>Al-Muqaddimat</i>	52
	4.3.2 <i>Al-Takhallus</i> atau <i>Fasl Al-Khitab</i>	58
	4.3.3 <i>Al-Madmun</i>	62
	4.3.4 <i>Al-Khitam</i>	65
4.4	Jenis gaya bahasa retorik yang digunakan dalam penulisan surat perang era Al-Khulafa' Al-Rashidin	70
	4.4.1 Retorik <i>Al-Bayan</i>	70
	4.4.2 Retorik <i>Al-Ma'ani</i>	78
	4.4.3 Retorik <i>Al-Badi'</i>	80
4.5	Kesimpulan	90
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	92
5.1	Pengenalan	92
5.2	Rumusan	92
5.3	Cadangan	95
5.4	Penutup	96
	BIBLIOGRAFI	97
	LAMPIRAN	100
	a. Teks surat perang yang ditulis oleh Khalifah	100
	b. Teks surat perang yang ditulis oleh Panglima Perang atau Ketua Tentera	110
	BIODATA PELAJAR	117
	PENERBITAN	118

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Kerangka Asas Kajian ; Berdasarkan Pendekatan Estetika Dalam Karya Persuratan oleh Mahmud Al-Miqdad (1993)	27
3.2	Kerangka Konseptual	30



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Jumlah teks surat perang selepas saringan pertama	33
3.2	Jumlah teks surat perang yang ditulis oleh khalifah	34
3.3	Jumlah teks surat perang yang ditulis oleh panglima perang	35
4.1	Senarai surat perang yang bermula dengan <i>Fasl Al Khitab</i> tanpa sebarang unsur-unsur <i>muqaddimah</i>	60
4.2	Contoh lafaz doa dalam penutup surat-surat perang	66
4.3	Contoh lafaz <i>Al-Tahdid</i> dalam penutup surat-surat perang yang diutuskan kepada tentera musuh	67
4.4	Contoh lafaz <i>Al-Tashbih</i> dalam surat-surat perang yang ditulis oleh Khalid bin Al-Walid	71
4.5	Contoh lafaz-lafaz berbentuk arahan dan larangan dalam surat-surat perang berdasarkan tema	78
4.6	Contoh Uslub <i>Al-Tibaq</i> dalam surat-surat perang pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin	80
4.7	Contoh Uslub <i>Al-Muqabalah</i> dalam surat-surat perang pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin	82
4.8	Lafaz-lafaz Uslub <i>Al-Saja' Al-Murassa'</i> dalam surat-surat perang pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin	84
4.9	Lafaz-lafaz Uslub <i>Al-Saja' Al-Mutawazi</i> dalam surat-surat perang pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin	85
4.10	Lafaz-lafaz Uslub <i>Al-Saja' Al-Mutarraf</i> dalam surat-surat perang pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin	87

**PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 2008)**

A. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kha	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	هـ	h
ش	sh	ء	'
ص	s	ي	y
ض	d	ة	ah*

* Ditransliterasikan sebagai 'at' dalam konteks gabungan dua perkataan.

B. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	É	أي	ay
ي	i	ي	Ê	أو	aw
و	u	و	Ë		

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Adab atau sastera ditakrifkan sebagai suatu seni yang terhasil daripada pemikiran dan pengalaman manusia yang disampaikan melalui bahasa yang indah. Daif (1961) mendefinisikan adab atau sastera sebagai kata-kata yang indah samada berbentuk prosa atau syair yang bertujuan untuk mempengaruhi pemikiran pembaca dan pendengar. Manakala Al-Sha'ar (1999) telah mengemukakan makna sastera sebagai keseluruhan pengalaman manusia yang tercipta melalui pemikirannya dan disampaikan dengan gaya bahasa yang indah dan berseni. Pendapat di atas turut disokong oleh Tulaimat dan Al-Ashqar (2002) yang menyatakan bahawa sastera sebagai ciptaan seni yang disampaikan melalui syair dan prosa dengan bahasa indah yang menceritakan tentang makna kehidupan. Daripada takrifan di atas dapat disimpulkan bahawa unsur terpenting yang menentukan kesenian hasil karya sastera yang baik dan bermutu adalah penggunaan bahasa yang indah. Keindahan bahasa yang digunakan secara kreatif dan imaginatif dalam sesuatu karya sastera pasti akan menarik minat pembaca serta meninggalkan kesan yang mendalam dari segi penghayatan terhadap karya tersebut. Justeru itu kajian ini cuba menetengahkan suatu karya dalam kesusasteraan Arab iaitu sastera persuratan atau dalam Bahasa Arab disebut sebagai *Adab Al-Tarassul*.

Dalam konteks kesusasteraan Arab, surat telah diiktiraf sebagai karya sastera yang terkenal selepas *syair*, *khutbah* dan *amthal* (Qumaihah, 1986, p.12). *Syair*, *khutbah* dan *amthal* merupakan karya sastera yang terlebih dahulu mendapat perhatian pengkaji-pengkaji bahasa dan kesusasteraan Arab kerana karya-karya tersebut telah muncul sejak dari zaman Jahiliah lagi berbanding karya persuratan. Ini adalah kerana surat berkait rapat dengan seni penulisan. Kebanyakan sarjana sastera Arab berpendapat bahawa masyarakat Arab Jahiliah adalah merupakan masyarakat yang buta huruf dan tidak tahu menulis dan hanya bergantung kepada periwayatan secara lisan sahaja (Sha'lan, 1998, p.151).

Karya persuratan Arab dipercayai muncul pada zaman Rasulullah SAW. Kebanyakan pengkaji Sejarah Islam dan kesusasteraan Arab telah berpendapat bahawa tarikh sebenar kemunculan karya persuratan ialah selepas peristiwa Hijrah (Al-Miqdad, 1993, p.72). Abu Sharifah (1998) turut menyokong pendapat ini dengan menegaskan bahawa karya-karya surat telah muncul sejak penghijrahan Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah. Ini adalah kerana selepas tertegaknya Kerajaan Islam di Madinah, penulisan surat adalah amat penting dalam pentadbiran negara, penyebaran dakwah dan hubungan diplomatik.

Menurut para pengkaji sejarah Islam, penulisan surat perang atau *Al-Rasail Al-Harbiyyah* juga telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW iaitu selepas Perjanjian Hudaibiyah. Menurut Hamidullah (1969), sejarah penulisan surat-surat politik telah bermula selepas Perjanjian Hudaibiyah apabila Rasulullah SAW mula mengutuskan surat-surat kepada raja-raja dan pemerintah-pemerintah Rom, Parsi, Habshah,

Ghassasanah, Bahrain, 'Umman, Yaman dan Najran menyeru mereka kepada dakwah Islam ataupun tunduk kepada Kerajaan Islam Madinah. Walaupun tujuan utama Rasulullah SAW mengutus surat-surat tersebut adalah untuk menyeru mereka kepada Agama Islam, namun terdapat mesej supaya mereka tunduk (dengan membayar *Jizyah*) kepada Kerajaan Islam Madinah dan mengiktiraf Agama Islam jika mereka tidak mahu menerima dakwah Rasulullah SAW. Sekiranya mereka enggan membayar *Jizyah*, maka peperangan adalah pilihan terakhir yang diberikan oleh Rasulullah SAW. Contoh surat perang tersebut adalah surat Rasulullah kepada Pemerintah Rom (Hamidullah, 1969, p.82) :

مَنْ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ إِلَى صَاحِبِ الرُّومِ : "إِنِّي أَدْعُوكَ إِلَى الْإِسْلَامِ، فَإِنْ أَسْلَمْتَ فَلَكَ مَا لِلْمُسْلِمِينَ وَعَلَيْكَ مَا عَلَيْهِمْ. فَإِنْ لَمْ تَدْخُلْ فِي الْإِسْلَامِ فَأَعْطِ الْجِزْيَةَ، فَإِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يَقُولُ: ﴿قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ﴾... إلخ".

Terjemahan: *Dari Muhammad Rasulullah kepada pemerintah Rom : “ Sesungguhnya aku menyeru engkau kepada Islam. Jika engkau memeluk Agama Islam maka berhak bagimu segala apa yang berhak bagi kaum muslimin dan engkau terpelihara daripada segala yang tidak berhak ke atasmu sebagaimana terpelihara kaum muslimin daripada perkara yang tidak berhak ke atas mereka. Jika engkau menolak seruan Islam ini, maka wajiblah ke atasmu Jizyah. Sesungguhnya Firman Allah menyebut : Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan Hari Akhirat (Al-Taubah : 29) ...”.*

Pendapat Hamidullah turut disokong oleh Al-'Uqaili (dalam Yusuf, 2013) yang berpendapat bahawa surat-surat Rasulullah SAW kepada raja-raja dan pemerintah bukan Islam adalah merupakan langkah awal yang menjadi etika dalam berperang bahawa “ tidak boleh menyerang satu negara sebelum ada seruan dakwah dan memberikan peringatan terlebih dahulu ”.

Daripada penelitian ke atas surat Rasulullah SAW kepada pemerintah Rom tersebut, jelas bahawa surat perang telah mula ditulis sejak zaman Rasulullah SAW sebagai medium dakwah Baginda Rasulullah SAW kepada pemerintah-pemerintah bukan Islam. Metodologi yang sama juga telah diikuti oleh Khalifah-khalifah Al-Rashidin selepas Baginda Rasulullah SAW. Menurut Al-'Asali (1988, p.16) : “ Setelah Abu Bakr Al-Siddiq dilantik sebagai khalifah, beliau telah menulis surat menyeru golongan murtad kepada Islam. Selepas memerangi golongan murtad, Khalifah Abu Bakr Al-Siddiq telah memulakan pula dakwah dan misi perluasan wilayah Islam atau *Harakah Al-Futuh* ke sebelah utara dan timur. Khalifah telah menulis surat kepada penduduk Yaman menyeru kepada *Jihad Al-Futuh*”.

Seterusnya karya penulisan surat perang semakin berkembang pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin selepas bermulanya misi perluasan wilayah Islam secara besar-besaran pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar bin Al-Khattab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Surat-surat perang atau *Al-Rasail Al-Harbiyyah* adalah termasuk dalam kategori surat – surat rasmi yang berbentuk politik atau *Al-Rasail Al-Siyasiyyah*. Hamidullah (1969) telah mengklasifikasikan surat-surat perang yang ditulis oleh Rasulullah SAW dan Al-Khulafa' Al-Rashidin kepada musuh untuk menyeru mereka kepada Islam sebagai *Al-Wathaiq Al-Siyasiyyah* atau dokumen politik. Surat-surat politik ini telah mendapat tempat dalam kajian sejarah. Para pengkaji sejarah telah mengumpulkan semula semua surat-surat politik tersebut dari kitab-kitab sejarah, mentahkikkan kesahihannya dan membukukan semula surat-surat tersebut. Antara karya-karya sejarah moden yang terkenal yang telah menghimpunkan semula surat-surat politik tersebut ialah *Jamharah Rasail Al-'Arab* oleh Safwat (1937) dan *Majmu'ah Al-Wathaiq Al-Siyasiyyah* oleh Hamidullah (1969).

Menurut 'Abdullah (2012), surat-surat politik sememangnya telah memperkayakan khazanah persuratan Arab dan selayaknya diberi perhatian untuk dikaji dari segenap aspek. Walaupun karya-karya tersebut telah mendapat tempat dalam kajian sejarah, namun demikian karya-karya tersebut telah dialpakan daripada segi kajian terhadap aspek bahasa dan sastera.

Dengan itu, kajian ini tampil mengisi kekosongan tersebut dan berhasrat untuk menonjolkan karya surat-surat perang pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin bermula dari zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakr Al-Siddiq pada tahun 632 masihi atau 11 hijrah hinggalah berakhirnya pemerintahan Khalifah 'Ali bin Abi Talib pada tahun 661 masihi atau 40 hijrah. Bagi memenuhi keperluan tersebut, istilah seni persuratan surat perang dalam sejarah kesusasteraan Arab perlu dibincangkan. Setelah itu pendekatan estetika akan dibuat, yang akan membincangkan secara mendalam tentang format-format pembukaan dalam surat perang, peralihan antara isi kandungan dan penutup. Kajian ini juga akan menerangkan tema-tema penulisan surat perang, menyatakan gaya bahasa penulisan khalifah dan panglima perang, struktur ayat dan aplikasi retorik atau *Balaghah* Arab. Semuanya itu dibuat dengan mengetengahkan contoh-contoh karya surat perang yang telah ditulis oleh keempat-empat Al-Khulafa' Al-Rashidin dan beberapa panglima perang seperti Khalid bin Al-Walid, Abu 'Uбайдah bin Al-Jarrah, 'Amru bin Al-'as dan Yazid bin Abi Sufyan.

1.3 Pernyataan Masalah

Penelitian awal terhadap kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji bahasa dan sastera ke atas karya-karya sastera Awal Islam terutama sekali pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin, mendapati kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada karya-karya syair. Dapatan ini disokong oleh pendapat yang dikemukakan oleh Qumaihah (1986, p.12) : "syair yang bertemakan *jihad* pada zaman *Al-Futuhat* adalah yang paling banyak mendapat perhatian oleh para pengkaji bahasa dan sastera. Hal demikian didorong oleh kemashuran sastera syair itu sendiri yang telah lahir seawal zaman Jahiliah lagi berbanding karya persuratan".

Di samping itu, karya persuratan pada zaman Awal Islam kurang mendapat perhatian oleh pengkaji bahasa dan sastera kerana karya-karya tersebut bukanlah dihasilkan

untuk tujuan seni sastra itu sendiri, tetapi sebaliknya kerana faktor dakwah, siasah dan ekonomi. Daif (1960) berpendapat bahawa pada zaman Awal Islam, Rasulullah SAW telah mengutus surat kepada raja-raja dan pemerintah-pemerintah Arab dan bukan Arab dengan menggunakan bahasa yang amat ringkas untuk menyampaikan dakwah dan tidak bertujuan untuk menghasilkan seni sastra yang indah. Begitu juga dengan Al-Khulafa' Al-Rashidin selepas baginda. Mereka menulis surat kepada pemerintah negara lain adalah kerana tujuan dakwah, politik dan ekonomi dan bukannya kerana sastra. Adapun unsur-unsur seni *balaghah* yang terdapat dalam karya-karya persuratan tersebut adalah ditokok tambah oleh periwayat-periwayat sejarah. Maka, tidak hairanlah apabila terdapat nas-nas surat yang berbeza lafaznya di antara perawi sejarah. Lantaran itu didapati bahawa karya persuratan pada zaman tersebut lebih mendapat tempat dalam kajian-kajian sejarah berbanding kajian bahasa dan sastra.

Menurut Ghattashah dan Muhammad (2009), karya surat mula mendapat perhatian pengkaji bahasa dan sastra pada zaman Kerajaan Umawi yang muncul selepas berakhirnya pemerintahan Al-Khulafa' Al-Rashidin pada tahun 40 Hijrah. Khalifah Mu'awiyah telah menubuhkan *Al-Diwan* khas untuk penulisan surat rasmi. Penulis-penulis yang bekerja di *Al-Diwan* telah dipilih dan dilantik oleh khalifah daripada kalangan ahli bahasa dan sastra yang fasih. Surat-surat rasmi pada zaman Umawi terkenal dengan seni retorik dan gaya bahasa yang sangat indah kerana penulis-penulis *Al-Diwan* bukan sahaja menulis dengan tujuan rasmi semata-mata, sebaliknya mereka berlumba-lumba untuk menghasilkan surat rasmi dengan gaya bahasa retorik yang sangat tinggi. Maka tidak hairanlah pada zaman tersebut muncul nama besar dalam sastra prosa persuratan seperti 'Abdul Hamid Al-Katib yang hasil karyanya masih mendapat tempat dalam kalangan pengkaji bahasa dan sastra sehingga kini.

Walau bagaimanapun, Al-Miqdad (1993) berpendapat bahawa walaupun Rasulullah SAW dan Al-Khulafa' Al-Rashidin menulis surat bukan kerana tujuan sastra atau seni, namun prosa penulisan surat pada zaman tersebut mempunyai keistimewaan dan nilai-nilai estetika yang tinggi. Menurutnyalah lagi, mereka yang mengatakan bahawa tiada nilai sastra dalam karya persuratan pada zaman Awal Islam sebenarnya terpengaruh dengan pandangan bahawa teks-teks persuratan tersebut tidak asli. Sedangkan teks-teks persuratan pada zaman Awal Islam adalah dokumen sejarah yang bernilai tinggi yang tertulis dalam buku-buku sejarah yang muktabar dan diiktiraf. Maka, tiada syak wasangka terhadap keaslian dan ketinggian nilai estetika yang terdapat dalam teks-teks persuratan tersebut. Justeru, berdasarkan pendapat Al-Miqdad (1993), kajian ini akan cuba untuk menonjolkan nilai-nilai estetika dan keindahan sastra yang terdapat dalam surat-surat perang pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin.

1.4 Soalan Kajian

Pelbagai persoalan boleh ditimbulkan apabila menganalisa sesebuah karya sastra. Untuk menghuraikan konsep dan ciri-ciri estetika dalam surat-surat perang pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin, kajian ini akan cuba untuk menjawab beberapa persoalan berikut :

- i. Apakah nilai estetika yang terdapat dalam tema penulisan surat perang era Al-Khulafa' Al-Rashidin?

- ii. Apakah ciri estetika yang terdapat pada struktur penulisan surat perang era Al-Khulafa' Al-Rashidin?
- iii. Apakah nilai estetika yang terdapat dalam gaya bahasa retorik yang digunakan dalam penulisan surat perang era Al-Khulafa' Al-Rashidin?

1.5 Objektif Kajian

Penganalisan estetika terhadap teks sastera secara dasarnya adalah bersifat subjektif dan sukar untuk menentukan apakah ciri-ciri keindahan yang terserlah dalam sesuatu karya. Justeru itu, kajian ini menggariskan beberapa objektif seperti yang berikut :

- i. Menenal pasti nilai estetika melalui jenis surat serta tema penulisan surat perang era Al-Khulafa' Al-Rashidin.
- ii. Menjelaskan ciri estetika yang terdapat pada struktur penulisan surat perang era Al-Khulafa' Al-Rashidin.
- iii. Menganalisis nilai estetika melalui gaya bahasa retorik yang digunakan dalam penulisan surat perang era Al-Khulafa' Al-Rashidin.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ilmiah ini diharap akan dapat menambahkan lagi khazanah ilmu dalam bidang pengkajian kesusasteraan Arab. Dalam konteks pengkajian terhadap karya-karya sastera Arab di Malaysia, kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pengkaji sastera Arab untuk melihat dan memahami karya sastera Arab dengan lebih mendalam dan dekat dengan cara yang lebih objektif.

Selain itu, kajian ini akan menonjolkan elemen estetika dalam penulisan surat-surat perang. Elemen ini adalah merangkumi analisa terhadap tema penulisan surat perang, struktur dan reka bentuk serta gaya bahasa retorik Arab (*balaghah*) yang digunakan dalam penulisan.

Kajian ini akan membuktikan wujudnya kekuatan dan keindahan seni sastera Bahasa Arab dalam karya persuratan pada zaman Awal Islam. Kajian ini secara tidak langsung akan mengubah persepsi bahawa karya penulisan surat perang hanyalah sebuah dokumen politik semata-mata yang tidak mempunyai nilai keindahan bahasa atau keindahan sastera.

Di samping itu, kajian ini juga boleh menjadi rujukan guru mata pelajaran Bahasa Arab yang ingin menggunakan bahan kesusasteraan dalam pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya ia akan dimanfaatkan oleh murid-murid untuk meningkatkan lagi penguasaan Bahasa Arab mereka dalam bidang lisan dan penulisan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan satu analisis sastera ke atas karya prosa surat-surat perang atau *Al-Rasail Al-Harbiyyah* pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin. Rida (1975, p.88) telah mendefinisikan *Al-Rasail Al-Harbiyyah* sebagai “*setiap surat yang berkaitan dengan ketenteraan. Ia merupakan medium komunikasi antara khalifah dan panglima tentera Islam dan juga medium komunikasi antara panglima-panglima tentera di medan peperangan*”.

Berdasarkan takrifan di atas, maka kajian ini menetapkan bahawa surat-surat perang yang akan dikaji adalah berdasarkan jenis surat perang. Analisis awal mendapati jenis surat-surat perang pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin secara umumnya terbahagi kepada dua iaitu; (1) Surat Perang Yang Ditulis oleh Khalifah dan (2) Surat Perang Yang Ditulis oleh Panglima Perang. Perincian jenis surat perang yang akan dikaji adalah seperti berikut:

a. Surat-surat perang dari Khalifah kepada :

- i. Panglima Perang
- ii. Tentera Musuh

b. Surat-surat perang dari Panglima Perang kepada :

- i. Khalifah
- ii. Ketua Tentera
- iii. Tentera Musuh

Berdasarkan takrifan di atas juga, kajian ini mengabaikan surat-surat perang yang ditulis oleh pihak tentera musuh kepada pihak tentera Islam. Ini kerana objektif kajian ini adalah untuk memperlihatkan nilai kehalusan dan seni estetika yang terdapat dalam karya sastera Arab pada zaman Awal Islam. Walaupun surat-surat tentera musuh diriwayatkan di dalam Bahasa Arab, namun ianya hanyalah terjemahan yang tidak diketahui usulnya.

Struktur dan rekabentuk surat (*Anasir Al-Risalah*) turut menjadi asas dalam menetapkan Batasan Kajian. Hanya surat-surat perang yang mengandungi *Anasir Al-Risalah* sahaja yang dijadikan bahan kajian. *Anasir Al-Risalah* menurut Al-Miqdad (1993) ialah unsur-unsur surat yang terdiri daripada *Al-Muqaddimat*, *Al-Takhallus*, *Al-Madmun* dan *Al-Khitam*. Perincian *Anasir Al-Risalah* adalah seperti berikut:

1. Al-Muqaddimat (Pendahuluan Surat)

- a. Al-Basmalah – iaitu lafaz " بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ "
- b. Al-'Inwan (Al-Mursil wa Al-Mursal Ilaihi) – Iaitu pengirim surat dan penerima surat
- c. Al-Tahiyah – iaitu lafaz Al-Salam
- d. Al-Tahmid – iaitu lafaz Alhamdulillah

2. Al-Takhallus atau Faslul Al-Khitab (Lafaz أَمَّا بَعْدُ)

Iaitu lafaz pemisah antara Al-Muqaddimat dan Al-Madmun

3. Al-Madmun

Iaitu isi kandungan surat

4. Al-Khitam

Iaitu penutup surat. Biasanya surat diakhiri dengan lafaz penutup seperti " ُ " atau " ُ " atau " ُ " atau " ُ " atau " وَالسَّلَامُ عَلَى مَنْ اتَّبَعَ الْهُدَى "

Selain itu, *Al-Hudud Al-Zamaniyyah* atau tempoh masa juga menjadi asas dalam menentukan batasan kajian. Oleh itu, kajian ini hanya melibatkan surat-surat perang yang ditulis pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin yang bermula dari zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakr Al-Siddiq pada tahun 632 masihi atau 11 hijrah hinggalah berakhirnya pemerintahan Khalifah 'Ali bin Abi Talib pada tahun 661 masihi atau 40 hijrah.

Manakala bagi mencapai objektif yang terakhir, kajian ini telah menetapkan tiga bidang retorik Arab yang terdiri daripada retorik *Al-Bayan*, *Al-Ma'ani* dan *Al-Badi'* sebagai batasan kajian bagi tujuan menganalisis jenis-jenis gaya bahasa retorik yang digunakan dalam penulisan surat perang pada zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin.

1.8 Definisi Operasional

Berdasarkan tajuk yang digunakan dalam kajian, definisi beberapa perkataan atau istilah yang digunakan perlu diuraikan agar huraian dan perbincangan dalam kajian ini menepati keperluan tajuk. Antara perkataan dan istilah yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:

1.8.1 Estetika

Menurut Sujud (1999), estetika daripada sudut bahasa berasal daripada perkataan Yunani iaitu 'Aesthesis' yang membawa maksud kepekaan atau sensitiviti. Daripada sudut istilah pula estetika ialah kajian teoritis tentang keindahan dan citarasa. Menurutnya lagi, perkataan estetika telah dipopularkan oleh pengkaji-pengkaji barat dalam pelbagai bidang ilmu. Mereka mengaitkan perkataan ini dengan makna keindahan dan memantapkan lagi pengertian estetika dengan mengaitkan keindahan dengan seni kerana seni merupakan sesuatu yang halus, menyenangkan dan menggembirakan.

Dalam bidang kajian kesusasteraan Arab, pengkaji-pengkaji sastera Arab juga tidak terlepas daripada menggunakan perkataan estetika dalam kajian mereka terhadap teks-teks sastera. Al-Yafi (1972) telah menterjemahkan estetika secara harfiah sebagai *Al-Dirasah Al-Fanniyyah*. Menurutnya lagi, estetika atau *Al-Dirasah Al-Fanniyyah* ialah satu konsep untuk mengkaji keindahan yang terdapat dalam karya sastera. Al-Tunji (1999, p.321) dalam bukunya *Al-Mu'jam Al-Mufassal fi Al-Adab* telah mendefinisikan estetika sebagai :

"الاستطيقًا : مدارٌ بَحْثِ عِلْمِ الْجَمَالِ أَوْ الْجَمَالِيَّةِ"

Terjemahan : "Estetika merupakan bidang perbahasan ilmu tentang keindahan".

Daripada takrifan-takrifan terhadap estetika sebelum ini samada daripada sudut bahasa mahupun istilah, dapat disimpulkan bahawa pembicaraan berkaitan estetika akan menyentuh aspek-aspek keindahan. Namun demikian, menilai keindahan sesuatu karya sastera khususnya sastera persuratan Arab memerlukan instrumen dan garis panduan tertentu.

Al-Miqdad (1993, p.6) dalam muqaddimah kajiannya terhadap karya persuratan Arab pada zaman Awal Islam, telah menyenaraikan elemen-elemen estetika sebagai :

"الخصائصُ الفنيَّةُ لِلرَّسْلِ جَمَلَةٌ مِنَ الْقَضَايَا الْمُتَّصِلَةِ بِأَرْبَعَةٍ مِنَ الْمَوْضُوعَاتِ هِيَ :
المنهج والأسلوب والمعاني واللغة"

Terjemahan : "Ciri-ciri kesenian (estetika) dalam karya persuratan merupakan isu-isu yang berkaitan dengan Al-Manhaj (format penulisan), Al-Uslub (gaya bahasa yang menyentuh aspek Balaghah), Al-Ma'ani (Isi Kandungan/Tema) dan Al-Lughah (Bahasa yang menyentuh aspek Nahu dan Sarf)."

Berdasarkan elemen-elemen estetika yang dikemukakan oleh Al-Miqdad (1993), kajian ini menetapkan bahawa estetika dalam karya penulisan surat perang adalah ciri-ciri keindahan sastera yang dinilai berdasarkan tema penulisan surat, ciri-ciri struktur penulisan surat (format penulisan) dan juga jenis-jenis gaya bahasa retorik yang digunakan dalam penulisan surat perang.

1.8.2 Surat Perang

Dalam kesusasteraan Arab, terdapat dua jenis karya persuratan iaitu *Al-Rasail Al-Diwaniyyah* dan *Al-Rasail Al-Ikhwaniyyah*. Menurut Al-Tunji (1999), *Al-Rasail Al-Diwaniyyah* ialah surat-surat rasmi yang ditulis oleh Khalifah atau Ketua Negara kepada Gabenor, Panglima dan Pembesar Negara atau orang perseorangan yang mempunyai kepentingan tertentu dalam negara. Manakala *Al-Rasail Al-Ikhwaniyyah* ialah surat-surat tidak rasmi yang ditulis oleh orang perseorangan, keluarga atau sahabat handai.

Abu Sharifah (1994) telah menyenaraikan surat-surat perang atau *Al-Rasail Al-Harbiyyah* dalam kategori surat-surat rasmi. Menurutnya, surat perang adalah surat rasmi yang ditulis oleh Khalifah atau panglima perang dalam sesuatu peperangan. Rida (1975, p.88) telah memperincikan definisi Surat Perang atau *Al-Rasail Al-Harbiyyah* sebagai :

"كُلُّ الرَّسَائِلِ الَّتِي تَعْنِي بِالْأُمُورِ الْعَسْكَرِيَّةِ . لَقَدْ كَانَتْ الرَّسَائِلُ الْحَرِيَّةُ تُثَمِّلُ حَلَقَةَ الْوَصْلِ بَيْنَ الْخَلِيفَةِ وَقَادَةِ الْجِيُوشِ الْإِسْلَامِيَّةِ وَالرَّابِطَةَ كَذَلِكَ بَيْنَ أُمَرَاءِ الْأَجْنَادِ فِيمَا بَيْنَهُمْ فِي سَاحَاتِ الْمَعَارِكِ".

Terjemahan: " *Ialah setiap surat yang berkaitan dengan ketenteraan. Ia merupakan medium komunikasi antara Khalifah dan Panglima Tentera Islam dan juga medium komunikasi antara Panglima-panglima Tentera di medan peperangan*".

Berdasarkan definisi ini, surat perang dalam kajian ini adalah merupakan surat rasmi yang ditulis oleh khalifah kepada panglima perang atau kepada musuh. Surat perang juga ditulis oleh panglima perang kepada Khalifah dan kepada musuh. Selain itu, surat perang dalam kajian ini juga melibatkan dokumen surat-menyurat yang berkaitan ketenteraan di antara panglima tentera dan ketua-ketua tentera di bawahnya.

1.8.3 Al-Khulafa' Al-Rashidin

Al-Khulafa' Al-Rashidin adalah merupakan gelaran yang diberikan kepada empat khalifah yang terkenal dalam Sejarah Islam. Mereka ialah Khalifah Abu Bakr Al-Siddiq, Khalifah 'Umar Al-Khattab, Khalifah 'Uthman bin 'Affan dan Khalifah 'Ali bin Abi Talib. Menurut Ibnu Khaldun (dalam Al-Sayyid, 2008), khalifah adalah merupakan pemimpin tertinggi umat Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW; yang memimpin dalam urusan agama dan juga dalam urusan politik.

Al-Rashidin adalah gelaran yang pernah disebut oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis dari Al-'Irbad bin Sariyah bahawa Rasulullah SAW telah bersabda (Ibn Rajab, 2001, p.109) :

"...أَوْصِيَكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ، وَإِنْ تَأَمَّرَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ، فَإِنَّهُ مِنْ يَعِشُ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسِيرِي اخْتِلَافًا كَثِيرًا. فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ...". رواه أبو داود والترمذي

Terjemahan: "...*Aku berpesan supaya kamu bertaqwa kepada Allah, dengar dan patuh (kepada pemimpin) sekalipun yang memimpin kamu adalah (bekas) seorang hamba. Sesungguhnya sesiapa di antara kamu yang hidup selepasku nanti pasti akan melihat perselisihan yang banyak. Maka hendaklah kamu semua berpegang dengan sunnahku dan sunnah Al-Khulafa' Al-Rashidin...*". Dirwayatkan oleh Abu Dawud dan Al-Tirmidhi.

Al-Rashidin dalam Bahasa Arab bermaksud "yang mendapat petunjuk" (Mustafa, 1989, p.346). Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah SAW telah memerintahkan umat Islam supaya taat kepada Al-Khulafa' Al-Rashidin kerana mereka adalah pemerintah yang adil dan mendapat petunjuk dari Allah SWT. Menurut Al-Suyuti (1996), perintah

ini dikuatkan lagi dengan sebuah hadis Rasulullah SAW yang menyebut *Khilafah* sebagai rahmat selepas kenabian (dalam Al-Suyuti, 1996, p.16):

" عَنْ أَبِي عُبَيْدَةَ الْجَرَّاحِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " إِنَّ أَوَّلَ دِينِكُمْ
بَدَأَ نُبُوَّةً وَرَحْمَةً، ثُمَّ يَكُونُ خِلَافَةً وَرَحْمَةً، ثُمَّ يَكُونُ مُلْكًا وَجَبَرِيَّةً " . حديث حسن .

Terjemahan: “ *Daripada Abu ‘Ubaidah Al-Jarrah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya permulaan agama kamu adalah dengan kenabian dan kerahmatan, kemudian dengan khilafah dan kerahmatan, kemudian dengan monarki dan penguasaan (secara kekerasan).* ”

Seterusnya, Al-Suyuti menegaskan bahawa *Al-Khilafah* yang dimaksudkan adalah merujuk kepada keempat-empat Al-Khulafa’ Al-Rashidin. Ini dibuktikan dengan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad bin Hanbal dari Safinah Abu ‘Abdul Rahman (dalam Al-Suyuti, 1996, p.16) :

" الخِلاَفَةُ ثَلَاثُونَ عَامًا، ثُمَّ يَكُونُ بَعْدَ ذَلِكَ الْمُلْكُ " .

Terjemahan: “*Al-Khilafah (selepasku) selama 30 tahun, kemudian selepas itu (berakhirnya Khilafah) adalah pemerintahan secara monarki atau raja.* ”

Pandangan Al-Suyuti serta hujahnya tentang tempoh pemerintahan Al-Khulafa’ Al-Rashidin disokong oleh ‘Ali (2013, p.1) yang menyebut : " tempoh pemerintahan Al-Khulafa’ Al-Rashidin adalah selama 30 tahun bermula dari zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakr Al-Siddiq pada tahun 11 hijrah hinggalah berakhirnya pemerintahan Khalifah ‘Ali bin Abi Talib pada tahun 40 hijrah " .

1.9 Kesimpulan

Seperti yang telah dibincangkan, surat-surat perang pada zaman Al-Khulafa’ Al-Rashidin adalah sangat penting untuk diberi perhatian dan diketengahkan sebagai bahan kajian. Pendekatan kajian estetika yang akan membincangkan bentuk dan format penulisan, tema serta gaya bahasa penulisan surat perang adalah amat perlu untuk merungkai keindahan yang terdapat dalam karya sastera berbentuk prosa pada zaman Awal Islam yang sebelum ini kurang mendapat perhatian daripada pengkaji bahasa mahupun sastera.

Oleh itu, karya-karya penulisan surat perang tidak boleh dilihat sebagai dokumen yang hanya mempunyai nilai sejarah semata-mata. Sebaliknya, karya-karya tersebut perlu dibedah mengikut dimensi analisis bahasa ataupun sastera. Justeru, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam memahami dan menghayati sejarah kegemilangan zaman Awal Islam melalui pendekatan sastera.

BIBLIOGRAFI

- 'Abbas, Fadl Hasan. (1996). *Al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha; 'Ilmu Al-Bayan wa Al-Badi'*. Amman: Dar Al-Furqan Li Al-Nashri wa Al-Tauzi'.
- 'Abbas, Fadl Hasan. (1997). *Al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha; 'Ilmu Al-Ma'ani*. Amman: Dar Al-Furqan Li Al-Nashri wa Al-Tauzi'.
- 'Abdullah, Miflah. (2012). *Adab Al-Rasail 'Inda Al-Amir 'Abdi Al-Qadir Al-Jazairi: Muqarabah Fanniyyah Li Al-Rasail Al-Siyasiyyah*. Journal of Linguistic and Literary Studies (Vol.3-No.1 .2012): 169-194. Malaysia: UIA.
- 'Ali, Sahir. (2013). *Tarikh 'Asr Al-Rashidin*. Artikel. Universiti Umm Al-Qura. Dimuat turun pada 17 Februari 2014 dari <https://uqu.edu.sa/page/ar/194614>
- 'Atallah, Nuh. (2007). *Al-Ta'rif wa Al-Tankir Baina Al-Nahwiyyin wa Al-Balaghiyyin; Dirasah Dilaliyyah Wazifiyyah*. Tesis Sarjana. Universiti Mu'tah, Jordan.
- Abu Sharifah, 'Abd al-Qadir. (1994). *Al-Kitabah Al-Wazifiyyah: Manhaj Jadid fi Fann Al-Kitabah wa Al-Ta'bir*. Amman: Dar Hunain.
- Al-'Asali, Bassam. (1988). *Fann Al-Harbi Al-Islami fi 'Uhud Al-Khulafa' Al-Rashidin wa Al-Umawiyyin*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-'Asqalani, Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali. (2000). *Nataij Al-Afkar fi Takhrij Ahadith Al-Adhkar*. T.T: Dar Ibnu Kathir.
- Al-Azdi, Abu Isma'il Muhammad bin 'Abdillah. (2004). *Futuh Al-Sham*. Irbid: Muassasah Hammadah Li Al-Dirasat Al-Jami'iyah wa Al-Nashar.
- Al-Dayyub, Samar. (2010). *Jamaliyyat Al-Tadad Fi Risalah Al-Khalifah 'Umar bin Al-Khattab Ila Qadi Al-Basrah Abi Musa Al-Ash'ari*. Majallah Jami'ah Umm Al-Qura Li 'Ulum Al-Lughat wa Adabiha (Vol.3): 257-274. Saudi Arabia.
- Al-Hashimi, Ahmad. (1998). *Jawahir Al-Balaghah fi Al-Ma'ani wa Al-Bayan wa Al-Badi'*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Huraib, Talhah. (2005). *Al-Rasail Min Alwan Al-Nathar Al-'Arabi*. Artikel Majalah Yaumiyyah Siyasiyyah. Damsyik: Muassasah Al-Wehdah. Dimuat turun pada 28 Oktober 2013 dari http://furat.alwehda.gov.sy/print_veiw.asp?FileName=82570407920050925231654
- Al-Lahham, Muhammad Sa'id. (2002). *Al-Mu'jam Al-Mufahras Li Alfaz Al-Qur'an*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Al-Miqdad, Mahmud. (1993). *Tarikh Al-Tarassul Al-Nathari 'Inda Al-'Arab Fi Sadr Al-Islam*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Al-Qalqashandi, Ahmad bin 'Ali. (1998). *Subhu Al-A'sha fi Sina'ati Al-Insha*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Sayyid, 'Abd al-Latif 'Abd al-Hadi. (2008). *'Asr Al-Khulafa' Al-Rashidin wa Ittisa' Al-Daulah Al-Islamiyyah*. Iskandariah: Al-Maktab Al-Jami'i Al-Hadith.
- Al-Sha'ar, Fawwaz. (1999). *Al-Adab Al-'Arabi*. Beirut: Dar Al-Jil.
- Al-Shimsani, Ibrahim. (1987). *Huruf Al-Jarr ; Dilalatuha wa 'Alaqatuha*. Jeddah: Matba'ah Al-Madani.
- Al-Suli, Muhammad bin Yahya. (1994). *Adab Al-Kuttub*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyufi, Mustafa. (2008). *Tarikh Al-Adab Fi Sadr Al-Islami*. Kaherah: Al-Dar Al-Dauliyyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. (1996). *Tarikh Al-Khulafa'*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.

- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir. (1926). *Tarikh Al-Tabari; Tarikh Al-Umam wa Al-Muluk*. Kaherah: Matba'ah Al-Istiqamah.107
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir. (1967). *Tarikh Al-Tabari; Tarikh Al-Umam wa Al-Muluk*. Beirut: Rawai' Al-Turath Al-'Arabi.
- Al-Tunji, Muhammad. (1999). *Al-Mu'jam Al-Mufasssal Fi Al-Adab*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Yafi, 'Abd al-Karim. (1972). *Dirasat Fanniyyah Fi Al-Adab Al-'Arabi*. Damsyik: Matba'ah Dimashq.
- Daif, Shauqi. (1960). *Al-Fann wa Madhahibuhu fi Al-Nathar Al-'Arabi*. Kaherah: Dar Al-Ma'arif.
- Daif, Shauqi. (1961). *Tarikh Al-Adab Al-'Arabi: Al-'Asru Al-Jahili*. Kaherah: Dar Al-Ma'arif.
- Fadil, Iman. (2006). *Fann Al-Risalah 'Inda Muhyiddin Ibn 'Abd. Al-Zahir; Dirasah Maudu'iyah Wa Fanniyyah*. Tesis Sarjana. Universiti Mu'tah, Jordan.
- Fathi, Ibrahim. (1986). *Mu'jam Al-Mustalahat Al-Adabiyyah*. Tunisia: Al-Muassasah Al-'Arabiyyah Li Al-Nashirin Al-Muttahidin.
- Ghattashah, Dawud & Muhammad, Mustafa. (2009). *Dirasat Adabiyyah Naqdiyyah fi Al-Funun Al-Nathariyyah*. Amman: Dar Al-Fikr.
- Habannakah, 'Abd al-Rahman Hasan. (1996). *Al-Balaghah Al-'Arabiyyah; Ususuha wa 'Ulumuha wa Fununuha*. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Hamidullah, Muhammad. (1969). *Majmu'ah Al-Wathaiq Al-Siyasiyyah Li Al-'Ahd Al-Nabawi wa Al-Khilafah Al-Rashidah*. Beirut: Dar Al-Irshad.
- Husin, Rakan. (2002). *Fann Al-Rasail Fi Al-'Asr Al-Ayyubi: Dirasah Fanniyyah Balaghiyyah*. Tesis Sarjana. Universiti Yarmouk, Jordan.
- Ibn Kathir, Abu Al-Fida' Isma'il. (1997). *Al-Bidayah wa Al-Nihayah*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Ibn Rajab, 'Abd al-Rahman bin Shihab al-Din. (2001). *Jami' Al-'Ulum wa Al-Hikam fi Sharhi Khamsina Hadithan min Jawami' Al-Kalim*. Amman: Muassasah Al-Risalah.
- Idid, Syed Arabi. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ke-4. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mughniyyah, Habib Yusuf. (1995). *Al-Adab Al-'Arabi Min Zuhur Al-Islam Ila Nihayat Al-'Asri Al-Rashidi*. Beirut: Dar wa Maktabah Al-Hilal.
- Muhammad, Hayat. (2007). *Anmat Al-Jumlah Fi Rasail Al-Khulafa' Al-Rashidin: Dirasah Tarkibiyyah Dilaliyyah*. Tesis Sarjana. Universiti Ummul Qura.
- Mustafa, Ibrahim dan rakan. (1989). *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Istanbul: Dar Al-Da'wah.
- Qumaihah, Jabir. (1986). *Adab Al-Rasail Fi Sadr Al-Islam: 'Ahd Al-Nubuwwah*. Kaherah: Dar Al-Fikr Al-'Arabi.
- Rida, Ghanim Jawwad. (1975). *Al-Rasail Al-Fanniyyah fi Al-'Asri Al-Islami Hatta Nihayah Al-'Asri Al-Umawi*. Tesis Sarjana. Universiti Baghdad.
- Safwat, Ahmad Zaki. (1937). *Jamharah Rasail Al-'Arab*. Beirut: Al-Maktabah Al-'Ilmiyyah.
- Sha'lan, 'Abd al-Wahid. (1998). *Al-Hayah Al-Adabiyyah fi 'Asri Al-Nubuwwah wa Al-Khilafah*. Kaherah: Dar Quba'.
- Sinaga, Muhammad Yusuf. (2013). *Surat-surat Rasulullah SAW kepada Para Raja dan Panglima Perang*. Selangor: Pustaka Ibnu Katsir.
- Sujud, Arba'ie. (1999). *Eстетika Dalam Lirik Lagu-Lagu P.Ramlee*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.

- Taha, 'Ahid. (2007). *Al-Rasail Al-Wasfiyyah fi Al-'Asr Al-Mamluki Al-Awwal*. Tesis Sarjana. Universiti Mu'tah, Jordan.
- Taha, 'Ahid. (2011). *Adab Al-Harbi 'Inda Al-'Imad Al-Asfahani*. Tesis Phd. Universiti Mu'tah, Jordan.
- Tulaimat, Ghazi & Al-Ashqar, 'Arfan. (2002). *Al-Adab Al-Jahili*. Damsyik: Dar Al-Fikr.

